

Newspaper	Berita Harian
Date	22/08/2017

# 'Cadangan tubuh RCI bukan aniaya Tun Mahathir'

BH- 22/8/2017 pg. 6

[FOTO IHSAN PEJABAT MENTERI BESAR]



Ahmad Bashah menyampaikan replika lesen memandu kelas B2 kepada peserta Program 1Komuniti 1JPJ di Alor Setar, semalam.

**Alor Setar:** Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, menyangkal dakwaan bahawa cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyasat tragedi Memali adalah untuk menganiaya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, cadangan penubuhan itu adalah susulan desakan orang ramai, khususnya keluarga mangsa yang terbabit dalam kejadian pada November 1985.

"Ada pihak kata kerajaan sengaja untuk kenakan Tun M. Itu tidak benar, orang boleh membuat apa saja tuduhan.

## Tak salah laksana RCI

"RCI ini permintaan... rakyat yang minta, waris mangsa menuntut penjelasan jadi tidak salah untuk dilaksanakan seperti sebelum ini rakyat meminta Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyasat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing," katanya, di sini, semalam selepas merasmikan Majlis Penutup Program 1Komuniti

1JPJ Daerah Kota Setar 2017 di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Aziz, di sini, pagi semalam.

Pada majlis itu, seramai 314 penduduk luar bandar kategori warga emas menerima lesen memandu kelas B2 motosikal yang disampaikan Ahmad Bashah.

Beliau berkata demikian ketika mengulas cadangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berhubung kesediaan kerajaan menubuhkan RCI bagi menyasat kejadian berkenaan.

Ahmad Zahid berkata, RCI itu akan ditubuhkan jika ada permintaan daripada mana-mana pihak termasuk parti pembangkang bagi mendapatkan maklumat sebenar kejadian itu demi kepentingan mangsa tragedi berkenaan.

Ahmad Bashah berkata, beliau menyokong penuh cadangan Timbalan Perdana Menteri itu dan sedia memberi kerjasama sekiranya diperlukan.